



BIASISWA UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG.

SYARAT DAN KELAYAKAN BAGI PERMOHONAN BIASISWA PELAJAR YANG MENGIKUTI PENGAJIAN PERINGKAT DIPLOMA DAN IJAZAH SARJANA MUDA DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG BAGI SESI 2016/2017

1. Permohonan adalah dipelawa daripada pelajar yang telah mendapat surat tawaran untuk melanjutkan pengajian peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda mulai Sesi 2016/2017 di Universiti Malaysia Pahang.
2. Terbuka kepada semua bidang pengajian yang berdaftar di Universiti Malaysia Pahang
3. **SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**

(a) Syarat-syarat Asas

1. Warganegara Malaysia;
2. Umur tidak melebihi 25 tahun semasa tarikh permohonan dibuat.
3. Telah menerima surat tawaran kemasukan ke tahun pertama pengajian ke UMP (bagi kemasukan Semester 1 sesi 2016/2017)
4. Pendapatan keluarga adalah tidak melebihi RM 2,000 sebulan.
5. Pelajar yang aktif di dalam Ko - Kokurikulum

(b) Syarat Khusus (Kelayakan Akademik)

Pemohon yang telah diterima masuk ke Universiti Malaysia Pahang sama ada peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda mulai Sesi 2016/2017 perlu mempunyai salah satu kelayakan akademik seperti berikut:

BIL	KELAYAKAN	SYARAT MINIMUM AKADEMIK	PERINGKAT
1.	SPM 2015	Mendapat sekurang – kurangnya Gred A dalam 8 subjek	Diploma
2.	STPM 2015	Prinsipal B+ dalam sekurang – kurangnya 4 subjek	Ijazah Pertama
3.	STAM (di samping mempunyai SPM)	4 Mumtaz dan 5 Jayyid Jiddan	Ijazah Pertama
4.	Matrikulasi di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia / UIA/ Politeknik/Program Asasi IPTA/Diploma dan lain – lain setaraf dengannya.	CGPA 3.50	IJAZAH PERTAMA

4. CALON-CALON YANG TIDAK LAYAK MEMOHON

1. Pelajar-pelajar yang tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan asas dan khusus yang ditetapkan.
2. Calon yang telah mendapat tajaan daripada mana – mana badan penaja lain.
3. Pelajar/ pegawai yang sedang mengikuti program/ kursus jarak jauh/ separuh masa.
4. Pelajar yang akan dan sedang mengikuti Program Kerjasama, Program Berkembar, Program *Double Degree*, Program Luar Kampus dan Program Jarak Jauh.

5. CARA MEMOHON

1. Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang permohonan yang boleh didapati di dalam kaunter Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni di kampus Pekan dan Gambang atau melalui portal Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni <http://jhepa.ump.edu.my>

2. Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar ke Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni di Kampus Gambang atau Pekan sebelum atau pada tarikh tutup permohonan.
3. Sebarang pertanyaan berhubung permohonan ini bolehlah menghubungi Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni Universiti Malaysia Pahang di talian 09-5492545 atau 09-4245700 dari jam 8:00 pagi hingga 5:00 petang (Isnin – Jumaat).

5. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan adalah pada **05 September 2016 (Isnin) jam 12.00 tengahari**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

6. KEPUTUSAN PERMOHONAN

1. Hanya permohonan yang melepasi tapisan akan dipanggil temuduga. Sebarang keputusan adalah muktamad.
2. Keputusan permohonan **Biasiswa Universiti Malaysia Pahang** dijangka akan diumumkan selepas 30 hari dari tarikh tutup permohonan.
3. Mana - mana pemohon yang tidak mendapat sebarang maklumbalas dalam tempoh 30 hari, permohonan anda dianggap **TIDAK BERJAYA**.

